


Tiga Masalah Yang Tersembunyi



WAWASAN
PENABUR

Tiga Masalah Yang Tersembunyi


Tajuk	: Tiga Masalah Yang Tersembunyi
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Friends of the Bridegroom ©1999
Penterjemah	: Veronica Molion
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Tiga Masalah Yang Tersembunyi



"Hendaklah kamu saling menolong memikul beban. Dengan demikian kamu akan mentaati perintah Kristus... kerana tiap-tiap orang harus memikul tanggungjawab masing-masing."
(Galatia 6: 2, 5)

Semua orang berhadapan dengan cabaran. Ini bermakna orang Kristian juga tidak terkecuali. Alkitab seakan-akan mengajar bahawa Allah mahukan kita menerima kebenaran ini dengan jelas. Sama ada ia disebabkan oleh dosa kita sendiri ataupun orang lain, kita mengaku semua orang memiliki masalah masing-masing. Pengetahuan ini meningkat sejajar dengan usia kita.

Dalam ceramahnya yang begitu bernas di Asbury Theological Seminary, Dr D.A. Seamands mencadangkan tiga masalah lazim yang dihadapi oleh orang Kristian yang datang untuk mendapatkan kaunseling. Saya telah menambah sudut pandangan orang Asia kepada masalah-masalah tersebut.

MASALAH 1

Kepayahan Di Dalam Mengampuni Dan Ketidak Pastian Akan Keselamatan

Dalam Roma 8: 15-16, Paulus mengajar bagaimana Roh Kudus bersaksi kepada roh kita bahawa Allah ialah Bapa kita. Menurut hukum orang Yahudi, sekurang-kurangnya dua orang diperlukan untuk membuktikan kesahihan sesuatu perbuatan. Namun begitu, ramai orang Kristian yang telah bertaubat dan mengaku dosa di hadapan saksi-saksi masih merasa diri mereka belum diampuni. Ada di antara mereka yang tidak henti-henti dihantui dengan perasaan bersalah.

Keadaan **Rasa Bersalah Yang Melampau** ini akan bertambah buruk dengan tipu muslihat serta tuduhan-tuduhan si musuh, seperti dalam kes Ayub dan dinyatakan dalam Wahyu 12: 20. Kebimbangan seperti ini selalu menyebabkan gangguan rohani dan seterusnya emosi dan/atau mental kepada kita. Kita harus menyedari bahawa kita memiliki tubuh, roh dan jiwa (1 Tesalonika 5: 23). Oleh sebab itulah apabila salah satu bahagian terganggu, bahagian yang lain akan turut terjejas.

Penyebab:

Roh seseorang itu mungkin mengalami luka yang sangat dalam sehingga dia tidak dapat memahami atau mengenal belas kasihan Bapa, walaupun belas kasihan itu telah diberikan oleh Allah kepadanya.

Kanak-kanak mempelajari bahasa hubungan dan perasaan lebih awal daripada mereka mempelajari bahasa percakapan. Satu contoh yang baik ialah Yohanes Pembaptis, yang melompat dalam rahim Elisabet ketika Maria memberi salam kepadanya. Disebabkan hal itu, perasaan yang kita alami di zaman kanak-kanak biasanya akan berterusan mempengaruhi cara kita memahami hubungan-hubungan sehingga kita menjadi dewasa.

Jika kita cenderung untuk selalu murung, merasa tidak disayangi dan tidak dihargai, serta dipinggirkan kerana dosa-dosa dan luka-luka silam, berkemungkinan besar agak sukar bagi kita untuk menerima kenyataan bahawa Allah telah menyucikan kita di saat kita bertaubat dan meminta pengampunan dari-Nya. Hidup baru kita di dalam Kristus memerlukan masa untuk bertumbuh ke satu tahap di mana kita boleh menikmati hubungan seperti anak dan bapa di dalam-Nya, sama seperti Adam dan Hawa sebelum kejatuhan, serta iman Anak Manusia kepada Bapa-Nya.

Beberapa Panduan untuk Menerima Rahmat Penyembuhan Dari-Nya

1. Berdoa bersama sahabat yang dipercayai atau kaunselor untuk penyembuhan daripada luka-luka masa lalu.
2. Senaraikan kejadian-kejadian yang membebarkan anda supaya perasaan bersalah yang benar dapat dibezakan daripada perasaan bersalah yang palsu.
3. Ampuni mereka yang telah bersalah terhadap anda,

dan terima pengampunan daripada Tuhan atas perasaan marah anda atau dosa-dosa lain terhadap orang itu.

4. Akui semua dosa-dosa yang diketahui mahupun yang tersembunyi, termasuk memutuskan sebarang kaitan dengan amalan-amalan sesat.
5. Tuntut janji Tuhan seperti dalam 1 Yohanes 1:9 secara harfiah. Perasaan bersalah yang sebenar akan hilang selepas kita membuat pengakuan, tetapi perasaan bersalah yang palsu akan nemerangkap kita dalam kutukan sendiri (perasaan bersalah yang palsu ini akan yang merupakan penyebab kepada kemurungan teruk).
6. Mengucap syukur kepada Bapa atas kesetiaan-Nya terhadap umat-Nya.
7. Tolak semua tipu muslihat si Iblis di dalam nama Yesus. Elakkan daripada dibebani perasaan-perasaan yang menghalang kita untuk hidup dengan sukacita di dalam Tuhan.

Tipu muslihat iblis mungkin berbunyi seperti berikut:

- ◎ “Anda tidak cukup ikhlas sewaktu bertaubat.”
- ◎ “Anda tidak layak untuk diampuni oleh Tuhan.”
- ◎ “Tuhan tidak begitu menyayangi anda. Sebab itulah anda masih berasa seperti dianak-tirikan.”
- ◎ “Bagaimana anda begitu pasti yang anda sudah diselamatkan?”

Anda mungkin harus berkali-kali menolak tipu muslihat si Iblis. Jika Iblis tidak berputus asa untuk mencuba Yesus, dia pasti tidak akan berputus asa terhadap kita. Kita boleh mengikuti contoh Yesus dan menggunakan ayat-ayat yang

sesuai dari Firman Tuhan yang adalah pedang Roh Kudus. Saya mendapati bahawa membaca Firman Tuhan dengan suara yang kuat sangat membantu. Mengakui bahawa kehadiran Yesus dan perisai Tuhan (Efesus 6: 10) sentiasa ada bersama kita setiap hari, akan dapat membantu kita berasa yakin bahawa Yesus memberi kemenangan atas dosa, maut dan si jahat. Yesus juga menyatakan hal ini dalam doa Imam Agung-Nya (Yohanes 17: 11-15). Kedua-dua bahagian Alkitab tersebut mengingatkan kita bahawa nama Yesus Kristus – Anak Allah, serta sifat dan kuasa-Nya – ialah Pelindung kita.

MASALAH 2

Kesukaran Untuk Berserah Kepada Tuhan Dengan Sepenuh Hati

Ini ialah satu masalah yang lazim bagi orang Kristian, tetapi jarang dibincangkan secara terbuka. Selalunya ia hanya akan dibangkitkan sebagai suatu kritikan.

Kita diciptakan dengan kecenderungan supaya TIDAK menyerah kepada sesuatu yang menakutkan kita. Contohnya, kita menghindari bunyi yang kuat atau ular yang sedang berdesis. Ini adalah sebahagian daripada mekanisma pertahanan diri yang Tuhan berikan kepada manusia. Dalam senario yang sama, sekiranya kita melihat Tuhan sebagai seseorang yang tidak boleh didekati (contohnya, melihat-Nya sebagai ibu bapa yang selalu mendera), kita tidak akan menyerahkan diri kita kepada-Nya.

Oleh itu, kita tidak seharusnya menolak mahupun melabel orang yang datang meminta kaunseling sebagai orang Kristian yang “suam-suam kuku.” Kita seharusnya memahami ketakutan tersembunyi yang ada di dalam hati mereka. Keadaan ini dikenali sebagai **Takut Kepada Komitmen** (*Commitment Anxiety*), yang sering dianggap sebagai kecelaruan personaliti dan gangguan saraf.

Penyebab:

Takut kepada komitmen adalah disebabkan oleh kebimbangan seseorang berhadapan dengan risiko komitmen.

Walau bagaimanapun, “Komitmen ialah tulang belakang bagi setiap hubungan kasih yang tulus.”¹

Dalam bukunya *The Road Less Travel*, Dr Peck menerangkan bahawa pasangan suami isteri memang sukar untuk menyelesaikan masalah mereka sehingga mereka sedar bahawa pergelutan yang dikongsi bersama tidak semestinya menghancurkan hubungan mereka. Ini termasuklah masalah pilihan berdikari atau kebergantungan, peranan ketua keluarga atau kepatuhan/berserah, kebebasan atau keterikatan. Jika pasangan memulakan hidup perkahwinan mereka dengan berjanji untuk sehidup semati, mereka tidak akan mempertimbangkan perceraian sebagai salah satu jalan keluar meskipun mereka menghadapi masalah yang besar. **Komitmen menyatukan mereka untuk melalui waktu-waktu yang sukar.**

Di sinilah komuniti saudara-mara, rakan taulan atau jemaat gereja yang telah menyaksikan janji pernikahan itu dapat membantu mengingatkan pasangan tersebut akan komitmen mereka.² Hal yang sama terjadi kepada pasangan yang mendidik anak-anak, dari ibu bapa secara biologi kepada ibu bapa psikologi. Anak-anak tidak dapat mencapai kematangan psikologi tanpa komitmen yang konsisten dari ibu bapa atau penjaga mereka.

Demikian juga, komitmen kita kepada Tuhan adalah untuk jangka masa yang panjang – satu hubungan kasih yang kekal dan tidak berkesudahan. Adalah menakutkan sekiranya kita berserah begitu sahaja ke dalam tangannya jika Dia adalah seperti bapa, ibu, pasangan, anak, pastor atau kawan kita yang tidak sempurna.

Dua Tanda Biasa Gejala Takut Kepada Komitmen



Kecelaruan Personaliti

Mereka yang menghadapi masalah ini tidak mampu menjalinkan hubungan intim mahupun melibatkan diri di dalam sebarang jenis komitmen. Ini bukanlah kerana mereka sengaja untuk berbuat demikian, tetapi disebabkan oleh *ketidak-adaan atau kurangnya* konsep komitmen terhadap orang lain di dalam kehidupan mereka. Besar kemungkinan ini adalah disebabkan oleh ibu bapa yang tidak menunjukkan sebarang tindakan komitmen yang jelas, tanpa syarat serta konsisten kepada mereka.

Contohnya, ada seorang wanita yang selalu menjauhkan diri dari rakan-rakannya meskipun selalu dihujani dengan kasih sayang dan perhatian dari rakan-rakan sekerjanya yang beragama Kristian serta beberapa rakan lain. Akhirnya, dia berhenti kerja kerana dia menyangka dirinya telah dipersalahkan. Setelah diteliti, punca penolakannya dan takut akan dikecewakan bermula dari rahim lagi. Wanita ini hampir menjadi mangsa pengguguran. Setelah dewasa, dia ditolak oleh ibu angkatnya kerana beberapa masalah yang ditimbulkannya. Dia tidak faham mengapa Tuhan tidak campur tangan untuk menyelamatkannya.

2**Gangguan Neurotik**

Seseorang yang mengalami gangguan ini tidak menerima kasih sayang yang mencukupi dari ibu bapanya untuk membolehkan dia bergaul lebih intim dengan orang lain. Sekiranya dia ingin untuk berkawan, tahap komitmennya ke atas perhubungan tersebut adalah terhad. Hasil daripada pengalaman pahit ditinggalkan oleh orang tua, mereka mungkin sentiasa takut untuk membuat komitmen. Orang yang mengalami masalah ini hanya boleh dirawat oleh seorang ahli terapi yang menjadikan dirinya sebagai pengganti sementara kepada kasih sayang ibu bapa yang tulus.

Ada kalanya gangguan ini juga akan timbul apabila pasangan tidak dapat menikmati hubungan intim dalam perkahwinan. Si isteri tidak dapat memberikan diri sepenuhnya kepada suami disebabkan perasaan

takut akan komitmen yang ada dalam hatinya. Dia akan belajar untuk percaya sekali lagi sekiranya si suami menerimanya dengan penuh kasih sayang, walaupun ia mungkin memakan masa yang lama. Penghalang-penghalang psikologi perlu diatasi.

Panduan untuk Menerima Kasih Penyembuhan dari Tuhan

Mewujudkan Satu Hubungan Kepercayaan yang Jelas

Apabila kepercayaan dikhianati (lebih awal ia terjadi dalam hidup, lebih pahit pengalaman tersebut), seorang insan lain diperlukan untuk memulihkan kembali kepercayaan tersebut. Kesabaran dan ketabahan yang kuat diperlukan kerana orang yang diaunseling akan cenderung untuk menguji keikhlasan orang yang membantunya.

Pada peringkat awal pengalaman memberi kaunseling, saya perlu mengelak daripada merasa ditolak oleh orang-orang yang saya kaunseling yang memarahi saya. Saya belajar untuk meminta maaf apabila saya melakukan kesilapan. Saya juga latihan diri untuk tidak tersinggung dengan tomahan negatif yang mereka lontarkan meskipun saya tidak bersalah. Hanya penghargaan dari Tuhan sahaja yang kita perlukan. Kita juga harus meminta pengertian Roh Kudus serta belas kasihan Yesus untuk terus membantu orang-orang yang memerlukan.

2 Diagnos dan Menyembuhkan Kesukaran Untuk Percaya Melalui Doa

Sila rujuk buku-buku *God's Catalyst, Healing of Memories* atau *The Step To Freedom in Christ* yang ditulis oleh Neil Anderson³ untuk kaedah-kaedah yang digunakan oleh tiga penulis yang berbeza. Mereka merupakan para kaunselor pastoral yang berpengalaman dalam pelayanan masing-masing. Saya mendapati bahawa ianya sangat membantu apabila saya belajar dari pengalaman-pengalaman orang lain kemudian memohon pengertian dari Tuhan untuk membangun cara pelayanan saya yang tersendiri.

3 Ubah Konsep yang Salah Tentang Tuhan

- (a) Melalui pembaharuan akal dan fikiran. Melihat Allah dengan pandangan yang Alkitabiah. Contohi Yesus dengan merenungkan Firman Tuhan (misalnya, Ibrani 2: 10-18; Yohanes 15:15) yang mengungkap komitmen perbadji Yesus terhadap kita sebagai saudara, saudari serta sahabat-Nya.
- (b) Melalui perbualan dengan Yesus, Saudara dan Sahabat kita.

4 Berlatih Untuk Membuat Keputusan dengan Lebih Kerap

Ini adalah kerana orang-orang yang mempunyai masalah takut memberi komitmen sering berasa sukar untuk mempercayai orang lain mahupun diri mereka

sendiri. Ini menyebabkan mereka lebih suka berada di kedudukan yang selamat. Mereka biasanya berkata “Ya” atau “Tidak” pada masa yang sama. Dalam keskes yang lebih ekstrim, hal ini akan membuatkan mereka sangat tertekan dan di ambang kemurungan. Contohnya, mereka tidak dapat membuat keputusan tentang apa yang harus dimakan, dipakai serta dibeli. Sikap luaran seperti ini akan memberi pengaruh yang tidak baik ke atas hubungan.

D.A. Seamands menerangkan:

“Kehendak saya ialah seluruh personaliti saya terlibat dalam pembuatan dan pengambilan keputusan. Oleh itu, jika personaliti saya sudah musnah, saya akan mengalami kesukaran dalam membuat keputusan. Orang berkenaan mungkin berkata kepada dirinya sendiri, “Saya takut untuk gagal disebabkan oleh saya takut membuat keputusan yang salah Mungkin Tuhan akan benar-benar menghukum saya!”

Di sebalik ketakutan dalam membuat keputusan ini, terdapat satu idea yang salah bahawa Allah hanya mempunyai SATU jalan untuk saya. Ini menunjukkan tanda-tanda keingin-sempurnaan (*perfectionism*). (Sila rujuk buku dalam Siri Kaunseling Pastoral dengan tajuk yang sama untuk perbincangan tentang topik ini).

Galakkan mereka yang meminta bantuan kaunseling untuk membuat keputusan, dimulai dengan keputusan yang kecil untuk hari tersebut. Contohnya, memilih untuk beratur di pejabat pos untuk membayar bil dan bukan membiarkan ketakutan rasa penat semasa

berbuat demikian menguasainya. (Hal ini mungkin akan dilihat sebagai alasan untuk mengelakkan diri dari tugas, atau mungkin akan dianggap malas oleh majikan). Secara emosi dan praktikalnya, adalah lebih baik membuat satu keputusan sementara, kemudian mengubah dan menyesuaikannya, serta belajar dari pengalaman tersebut, daripada langsung tidak membuat sebarang keputusan.^{4,5}

MASALAH 3

Persoalan Serta Keraguan Intelek

Saya mempunyai beberapa orang sahabat yang di permulaan komitmen mereka sangat bersemangat dalam Tuhan. Sedihnya, selepas beberapa tahun, mereka mula berasa serta berfikir bahawa Tuhan itu sebenarnya tidak adil. Mereka kemudiannya memberikan alasan demi alasan untuk tidak mahu percaya dan taat kepada-Nya lagi.

Seringkali, saya tidak ada jawapan untuk semua persoalan mereka, apa lagi jawapan yang dapat memuaskan hati mereka. Ada masanya saya hanya boleh berdoa dalam diam bagi mereka. Beberapa tahun kebelakangan ini, saya mula lebih memahami masalah mereka. Ia telah membantu saya untuk lebih berbelas kasihan walaupun saya tidak bersetuju dengan kebanyakan pandangan mereka tentang Bapa kita yang di syurga.

Penyebab 1:

Persoalan dan Keraguan Intelek yang Lahir Dari Emosi

Manusia melakukan tiga perkara iaitu berfikir, berasa dan melakukan. Oleh itu, pola pemikiran, emosi dan kelakuan kita saling mempengaruhi di antara satu sama lain.

Jenis keraguan intelektual seperti ini berbeza dengan keraguan-keraguan yang timbul disebabkan kurangnya pemahaman akan Firman Tuhan kerana pengajaran yang kurang baik atau berpunca dari kehendak berdosa berdasarkan pilihan moral.

“Keraguan intelektual yang sebenar memerlukan jawapan, tetapi keraguan secara emosi menjawab keperluan.”

~ D.A. Seamands

Tidak kira berapa banyak jawapan baik yang diberikan, orang seperti itu memilih untuk tinggal dalam keraguan kerana persoalan yang diutarakan menghindarkan dia dari luka yang sebenar. Keraguan seperti itu menyebabkan orang lain menjauhinya, menyebabkan dia selalu berasa tidak selamat, terluka dan bimbang akan diri sendiri. Dia menjalani kehidupan yang bersendirian. Tuhan mungkin akan mempertemukan anda dengan orang seperti ini supaya anda boleh membantu dan memimpin mereka kepada jalan kebenaran dan menerima kesembuhan kasih dari-Nya.

Contoh:

Seorang bala berbangsa Cina berkata kepada anak lelakinya sebelum dia meninggal dunia, "Jika kamu tidak berada di sisi saya ketika saya mati, kamu tidak layak menjadi anak lelaki saya." Anak lelaki itu adalah seorang yang sensitif dan penyayang, namun malang sekali, dia tidak sempat kembali ke rumah pada hari kematian ibunya. Berikutnya hal itu, dia percaya bahawa dia telah melakukan satu dosa yang tidak boleh diampuni.

Apabila dia mengalami konflik dengan majikannya tidak lama selepas itu, dia menjadi sangat tertekan kerana dia menyalurkan perasaan bersalah terhadap ibunya kepada majikannya. Dia benar-benar terbeban dengan ketidakpuasan majikannya.

Secara tidak sedar, lelaki itu mula ragu-ragu terhadap ketulusan Tuhan apabila Dia berkata "Aku mengasihi kamu dengan kasih yang kekal abadi." Dia mendapat sukar untuk menerima Yesus.

Penyebab 2:

Persoalan dan Keraguan yang Disebabkan Kurangnya Pengertian Firman Allah

Orang yang mempunyai pemahaman yang salah terhadap Firman Allah biasanya berfikir bahawa Tuhan itu tidak munasabah, tidak konsisten dan tidak boleh didekati. Orang dewasa yang menurunkan konsep-konsep yang salah ini kepada anak-anak tidak sedar betapa besar kerosakan yang mereka telah timbulkan.

Contoh:

Seorang guru Sekolah Minggu mungkin akan berkata kepada seorang anak yang aktif, "Allah akan menghukum kamu jika kamu tidak duduk diam." Anak itu (dibesarkan oleh ibu bapa Kristian yang lemah lembut) menjawab, "Mungkin itu Allah sebelum Dia menjadi seorang Kristian!" Dari segi teologi, jawapan anak itu adalah betul. Allah orang Kristian bukan seperti yang dikatakan oleh gurunya (Yohanes 3: 16,17).

Tetapi seorang anak yang mempercayai guru tersebut akan membesar dengan idea bahawa Allah akan menghukum dirinya setiap kali dia melakukan kesalahan! Dia mungkin tidak begitu teruja untuk berjumpa dengan Tuhan pada "saat teduh".

- Walau bagaimanapun, apa yang diajar oleh guru Sekolah Minggu itu merupakan sebahagian daripada kebenaran. Dalam sejarah, kebenaran Allah dinyatakan secara progresif. Allah menyatakan beberapa aspek diri-Nya kepada kita dalam beberapa tahap kehidupan rohani kita yang berterusan. Secara peribadi, saya menyedari keadaan ini semasa meningkat remaja saya apabila berjauhan dari pengaruh keluarga dan gereja. Ketika saya duduk di dalam bilik sewa, tiba-tiba saya menyedari bagaimana Tuhan telah menyatakan diri-Nya kepada saya secara progresif.
- Dalam Perjanjian Lama, Allah biasanya menyatakan Diri-Nya sebagai Seorang yang menggerunkan dan menakutkan. Kadang-kadang Dia kelihatan seperti seorang yang jahat dan tidak rasional. Contohnya,

jika seseorang yang tidak layak meyentuh Tabut Perjanjian, dia akan dibunuh (1 Tawarikh 13: 9, 10). Kekudusan dan kasih sepertinya tidak dapat wujud bersama.

- ◎ Dalam Perjanjian Baru, Anak Allah telah mati untuk kita. Ini menyebabkan pengertian kita menjadi semakin jelas. Tuhan itu adil dan penuh kasih. Kita boleh percaya kepada-Nya disebabkan perkara yang telah dilakukan oleh Yesus untuk kita. Kekudusan dan kasih boleh terjadi pada masa yang sama. Oleh itu, kita tidak perlu takut akan Dia.

Penyebab 3:

Persoalan dan Keraguan Intelektual yang Berpunca Daripada Hasrat Serta Pilihan Moral Kita (Sumber Tindakan Rela)

Mereka yang bertanya soalan tanpa henti membangun satu teologi untuk menyesuaikan ketidaktaatan mereka akan Firman Tuhan.

Contoh:

- (a) Mereka yang berulang-kali melakukan perzinaan memberikan alasan dengan memetik kenyataan tentang persahabatan di antara Allah dan Abraham, seorang hamba Tuhan yang telah menjalinkan hubungan dengan lebih daripada seorang wanita di dalam rumah tanggannya.
- (b) Mereka yang menjalinkan hubungan dengan orang yang tidak seiman berkata bahawa mereka ingin memenangkan orang tersebut. Selalunya, mereka tidak sanggup berpisah meskipun orang yang cuba

diinjil itu jelas tidak mahu menerima Yesus.

Sebagaimana iman mewarnai hidup kita, hidup kita juga mewarnai iman kita”

~ D.A. Seamands

Untuk pembacaan yang lebih menyeluruh tentang “keraguan”, anda boleh membaca buku yang berjudul *God in The Dark*. Os Guinness membincangkan tentang tujuh jenis keraguan yang selalu cuba disembunyikan oleh orang Kristian, kesannya dan juga cara-cara untuk menanganinya supaya mereka kembali percaya kepada Tuhan.⁶

Panduan Untuk Menerima Rahmat Penyembuhan Tuhan:

I Untuk Keperluan-keperluan yang Berpunca dari Emosi

Orang yang terluka dari segi emosi memerlukan penyembuhan untuk melihat Allah dengan konsep yang betul. Ini akan menuntunnya untuk hidup dalam iman sukacita Tuhan.

Contoh:

- (a) Seorang wanita menderita sumbang muhrim semasa zaman kanak-kanaknya. Dia harus memendam kesakitan itu dalam hatinya dan pada masa yang sama dia harus melayan bapanya dengan baik. Disebabkan oleh hal ini, dia tidak dapat menerima Allah sebagai Bapa surgawi. Mangsa seperti ini merasakan lebih

senang untuk meragui Allah sebagai Bapa yang penyayang daripada berhadapan dengan bapa kandung yang menghianati kepercayaannya. Untuk mengembalikan kepercayaannya, dia harus disembuhkan daripada pengalaman masa lalunya. Tetapi luka ini mungkin terlalu berat untuk dihadapi dan ditangani seorang diri. Dia memerlukan sokongan seorang sahabat yang memahami, seorang penolong yang diutus oleh Tuhan.

- (b) Dalam Lukas 24: 36-45 dan 50-53, kebangkitan Yesus menjadi perkara yang sukar dipercayai setelah murid-murid-Nya mengalami kekecewaan berikutan penangkapan Kristus yang memalukan dan kematian-Nya di tangan musuh. "...mereka masih tidak dapat percaya, kerana terlalu gembira..." (Lukas 24: 41).

Murid-murid yang hilang semangat itu terpaksa mengambil beberapa waktu sebelum mereka dapat menikmati kebangkitan Yesus. Mereka mungkin menyangka bahawa Dia mengkhianati mereka dengan menyerahkan diri kepada musuh-Nya. Mereka ingin mempercayainya tetapi tidak dapat berhadapan dengan hakikat bahawa Tuhan mereka telah mengecewakan mereka. Sekali lagi? Bukankah Dia mengkhianati kepercayaan mereka terhadap kuasa-Nya dan juga kebenaran dengan tidak melawan penangkapan yang tidak adil lalu disalibkan? Yesus tidak menghakimi mereka. Dia memahami ketakutan dan kepahitan mereka; Dia membantu mereka untuk percaya dengan menunjukkan bukti bahawa Dia ialah Yesus yang sebenar, bukan hantu; Dia menjelaskan

kepada mereka bahawa apa yang berlaku kepada-Nya bukanlah sesuatu yang tidak dijangkakan, iaitu Dia tidak mengkhianati kepercayaan mereka dalam Dia yang adalah Messias. Dia meyakinkan mereka, “Aku boleh dan Aku pasti akan menyelamatkan kamu!”

Apakah perubahan reaksi mereka? Mereka menjadi percaya sekali lagi. Ketakutan mereka berubah menjadi sukacita yang berpanjangan. Walaupun Dia akhirnya meninggalkan mereka, murid-murid itu tahu bahawa mereka akan bertemu dengan-Nya lagi dalam segala kemuliaan-Nya. Tuhan menggunakan orang seperti saya dan kamu untuk menolong mereka yang terluka supaya kembali percaya kepada-Nya lagi.

2

Keperluan yang Berpunca dari Rasional

Ambil masa untuk menerangkan siapa Tuhan, iaitu menolong seseorang untuk menambah pengetahuan dan pemahaman teologi/Alkitabiah tentang Allah. Memandangkan masalah ini berpunca daripada salah faham terhadap Firman Allah, terapi yang disyorkan ialah pemahaman yang benar akan Firman Allah. Manusia boleh melukai orang lain (atau diri sendiri) dengan tafsiran yang salah akan Firman Allah.

Fahami kata-kata Allah yang terakhir dalam Perjanjian Baru, dan bukan hanya kata-kata-Nya yang pertama di dalam Perjanjian Lama. Fikirkan Yesus sebagai Firman Allah (Amsal 8:22-31, Yohanes 1:1-5, 14 dan Wahyu 22:12-16). Galakkan mereka yang datang untuk mendapatkan kaunseling untuk membaca keempat-empat Injil dengan perlahan-lahan

dengan melihat setiap pergerakan Yesus dan mendengar setiap perkataan-Nya. Pasti satu ketika nanti dia akan kembali pecaya kepada-Nya.



Keperluan yang Berpunca dari Kerelaan

Berdoa untuk pertaubatan dan pengampunan bagi dosa-dosa tertentu.

“Ada kalanya, kita percaya untuk taat,
Ada kalanya, kita mesti taat untuk percaya.”

~ D. Bonhoeffer

Apabila kita tidak mentaati Tuhan dan enggan untuk bertaubat, kita ada kecenderungan untuk membina teologi sendiri bagi menyesuaikannya dengan ketidaktaatan kita. Keadaan ini sangat berbahaya kerana semakin kita cuba untuk menyembunyikan dosa kita, semakin sukar untuk mengakui dan menyedarinya. Kita cenderung untuk menutup dosa kita dengan dosa yang lain, contohnya, berbohong untuk menutupi satu pembohongan yang lain.

Jika saya bertaubat daripada dosa membenci seseorang, adalah lebih senang bagi saya untuk mengasihi orang tersebut, walaupun dia mungkin sering melayan saya dengan buruk. Jika tidak, saya mungkin terpaksa mencari alasan untuk tidak duduk bersama dengannya dalam satu jawatankuasa yang yang sama.

Dalam Roma 8:15-16, kita boleh membaca tentang bagaimana Roh Kudus yang ada dalam diri kita saling

mengakui bahawa Allah itu ialah Bapa kita. Ini merupakan prinsip Alkitabiah. Jika kita enggan bertaubat, kita tidak akan dapat merasakan dan mengalami Allah sebagai Bapa sepanjang tempoh masa kita memberontak.

Rintangan Kepada Rahmat Penyembuhan-Nya

Kaunselor pastoral harus bersedia berdepan dengan penolakan terhadap penyembuhan kasih dari Tuhan. Terdapat tiga penyebab utama untuk kemungkinan ini:

1 **Orang yang menerima kaunseling itu tidak dapat berhadapan dengan kenyataan** latar belakang serta pengaruhnya terhadap hidup mereka. Dia mungkin berusaha untuk menyangkal punca masalah hidupnya dan mungkin akhirnya menipu diri sendiri. Penolakan yang mendalam ada kalanya timbul sebagai kelemahan seperti fobia dan serangan panik atau sebagai satu dosa yang disebabkan oleh keangkuhan.

Kita harus berdoa syafaat bagi pihaknya, dengan dipimpin oleh Roh kebenaran dan rahmat Allah.

2 **Menghentam seorang penerima kaunseling dengan ayat-ayat Firman Tuhan** tanpa kebijaksanaan dan pengetahuan mungkin akan mendatangkan lebih kemudarat daripada kebaikan. Inilah yang dilakukan oleh sahabat-sahabat Ayub ketika mereka cuba untuk menolongnya. Rawatan seperti itu akan membuat kepahitannya menjadi semakin buruk dan merumitkan masalahnya. Firman Tuhan ialah pedang

bermata dua; jika ia digunakan dengan salah, ia akan melukai dari kedua-dua bahagian.

Kaunselor pastoral harus mencari bimbingan Tuhan melalui renungan yang kerap dan taat kepada Firman-Nya. Jika tidak, kita mungkin akan menjadi seperti pemimpin agama di zaman Yesus. Wang dan kuasa Farisi menutupi kuasa roh yang benar dalam kehidupan Yudas.

3

Ketidaksabaran dari pihak kaunselor pastoral mungkin menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya dialami oleh penerima kaunseling itu. Jika dihadapkan dengan pengalaman pahit sebelum dia bersedia, si penerima kaunseling yang terluka itu berkemungkinan akan hilang arah tujuan hidup atau kembali kepada cara pemikiran dan perasaannya yang lama. Beberapa tahun dahulu, saya menyedari hal ini dengan cara yang sukar apabila membimbang seorang pesakit yang menghidap neurosis.

Kita perlu belajar untuk menunggu masa yang sesuai bagi menangani keperluan yang lebih mendalam. Penerima kaunseling itu harus bertaubat dan mengampuni orang lain sebelum dia bersedia untuk menerima rahmat dari Sang Penyembuh.

Berhenti seketika untuk memikirkan apa yang telah anda baca.

Jika anda perlu membaca sekali lagi bahagian-bahagian tertentu, sila berbuat demikian sebelum anda meneruskannya.

**Jangan lupa untuk mendengar dari
Kaunselor Agung kita.**



Refleksi

1. Adakah bahagian tertentu dalam hubungan anda dengan Tuhan yang anda rasa sukar untuk memahami atau ditangani dengan terbuka? Jika demikian, apakah ia? Jika tidak, adakah anda mengenal sesiapa yang mengalaminya? Bagaimana anda dapat menolong mereka?
2. Tulis sepucuk surat kepada Tuhan Yesus dengan menyatakan kepercayaan atau keraguan anda terhadap-Nya.

3. Mengucap syukur untuk pengampunan-Nya atas segala dosa anda. Jika anda mahu, nyatakan dengan terperinci.
 4. Nyatakan kepada Dia kesukaran hidup anda di dalam-Nya.... peribadi, keluarga, pekerjaan dan sebagainya. Nantikan Dia untuk berbicara kepada anda.
 5. Kepada anda yang sedang mencari pimpinan Tuhan dalam pelayanan sebagai kaunselor pastoral, adakah anda berasa seperti mahu berputus asa sebagai kaunselor pastoral? Mengapa?
(Ini adalah soalan yang penting pada peringkat ini kerana jika ini bukan sesuatu yang anda mahu, Tuhan mungkin mempunyai tugas yang lain bagi anda untuk melengkapi dunia dan gereja-Nya.)

Rujukan

- 1 M. Scott Peck, *The Road Less Travelled* (Simon & Schuster, 1978)
- 2 Walter Trobisch, *I Married You* (IVP, 1971)
- 3 Neil Anderson, *The Steps to Freedom in Christ*. Model kauseling pastoral yang dicadangkan oleh pelayanan Neil Anderson nampaknya sangat mudah untuk diikuti oleh jemaah gereja tempatan yang sanggup bekerja keras dalam pelatihan mereka melalui buku-buku dalam siri tersebut. Saya mendapati langkah-langkahnya boleh diterima secara teologikal walaupun ada beberapa perkara yang harus dikontekstualisasi supaya sesuai dengan budaya Asia, terutama sekali dalam isu-isu pelepasan, yang bukanlah sesuatu yang baru bagi kita yang ada di Asia. Bahaya bagi kita bukanlah kita tidak mengenali aktiviti-aktiviti alam ghaib, tetapi kita sudah menjadi selesa dengan perkara-perkara sedemikian kerana latar belakang agama dan budaya Asia.
- 4 Ini mungkin akan lebih membantu jika anda membaca buku-buku tentang kontekstualisasi iman kita dalam Kristus. Buku-buku sedemikian banyak terdapat di perpustakaan seminari Malaysia.
- 5 Charles R. Swindoll, *Three Steps Forward Two Steps Back* (Thomas Nelson Publisher, 1980)
- 6 Os Guinness, *God in the Dark – The Assurance of Faith Beyond a Shadow of Doubt*, (c 1996, Crossway Books, 1997)

“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berdasarkan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.